

# Ikon Varsiti suntik semangat universiti

DITAJA OLEH



siti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, yang menyifatkan pencapaian cemerlang semua ikon itu perlu diketengahkan kepada pelajar sekolah bagi menaikkan motivasi mereka untuk mencintainya.

"Kini tiada alasan lagi jika pelajar aktif sukan atau kokurikulum tidak boleh berjaya dalam akademik kerana keseimbangan kejayaan dalam kedua-dua bidang itu sudah dibuktikan oleh Ikon Varsiti BH yang menerima pengiktirafan selain mampu mengekalkan pencapaian akademik yang baik.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berbangga dengan kejayaan pelajar istimewa universiti itu, Siti Hawa Apandi menggondol Anugerah Ikon Inovasi Sosial selain pencalonan pelajar UMP sebagai finalis dalam tiga kategori lain.

### Beri Impak

Katanya, penganjuran anugerah itu oleh BH sebagai media cetak adalah wadah berkesan menyalurkan maklumat mengenai usaha



Barisan pemenang Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 dari UPM bersama dengan Prof Mohammad Shatar (tengah).



pembangunan pelajar serta sumbangan warga universiti kepada masyarakat.

"UMP melaksanakan lebih

390 program pembangunan pelajar tahun lalu dan pelajar istimewa tidak dikesualikan dalam program seumpama itu.

"Kami memberi sokongan sewajarnya termasuk menghantar wakil membuat pembentangan hasil kajian di luar negara apabila keadaan kesihatan Siti Hawa tidak mengizinkan untuk melakukan

perjalanan jauh," katanya.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Asma Ismail, pula menyarankan agar usaha penambahbaikan dilakukan BH dalam penganjuran anugerah itu termasuk mendedahkan pencapaian setiap pemenang agar khalayak mengetahui prestasi dan kualiti kecemerlangan mereka.

**"**  
KEMENANGAN  
KONSISTEN INI  
BUKTI UPSI  
MEMBERI  
KOMITMEN  
TINGGI DALAM  
PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN IN-  
SANIAH PELAJAR.  
PENGANJURAN  
ANUGERAH  
TAHUN INI  
LEBIH MATANG  
DAN KAMI BER-  
HARAP AKAN  
DITERUSKAN"  
**"**

Prof Dr Zakaria Kasa,  
Naib Canselor UPSI.

Penganjuran Anugerah Ikon Varsiti BH bukan saja mengiktiraf pencapaian mahasiswa, malah, penghargaan terhadap usaha pembangunan pelajar dilaksanakan universiti.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Zakaria Kasa, berkata anugerah menyuntik semangat penguasaan universiti untuk terus memberi galakan dan sokongan kepada pelajar supaya menonjol dalam bidang kecenderungan masing-masing.

"Alhamdulillah, kami memang menjangkakan kemenangan calon UPSI bagi kategori Kepemimpinan, Muhd Muzakir Afiq Musa kerana pencapaiannya yang menyerlah. Tahun lalu juga pelajar UPSI, Liu Cheng Hua, menang kategori kreativiti seni reka.

"Kemenangan konsisten ini bukti UPSI memberi komitmen tinggi dalam aspek pembangunan kemahiran insaniah pelajar. Penganjuran anugerah tahun ini lebih matang dan kami berharap akan diteruskan pada masa depan," katanya.

### Komitmen tinggi

Beliau berharap cadangan Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan, supaya pemenang anugerah berkenaan turun padang memberi motivasi di sekolah dilaksanakan.

Pandangan yang sama disuarakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Univer-



Prof Asma (lapan dari kanan) meraihan kemenangan pelajarinya pada Anugerah Ikon Varsiti BH 2013.